

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

**Pelanggan yang dihormati,**

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Semua Risiko anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

**1**

### Apa itu Insurans Semua Risiko?

Insurans Semua Risiko melindungi kerugian atau kerosakan kepada harta anda yang dilindungi di bawah polisi ini (misalnya, mesin atau peralatan statik, atau peralatan bergerak, contohnya, komputer riba) yang berada di dalam Had Wilayah.

**2**

### Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM350.00 setahun, anda menerima **perlindungan** seperti berikut:

Polisi ini <b>melindungi</b> :	Polisi ini <b>tidak melindungi</b> :
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerugian atau kerosakan harta anda atau mana-mana bahagian daripadanya akibat kebakaran, kecurian atau mana-mana kemalangan atau kecelakaan yang lain.</li> <li>• Kerugian atau kerosakan akibat peril melainkan peril sedemikian secara khususnya dikecualikan dalam polisi ini.</li> </ul>	Kerugian, kemusnahan atau kerosakan yang berpunca atau disebabkan oleh: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) kehausan dan keusangan, beransur-ansur buruk, karat, berkulapuk, atau mana-mana proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pengembalian atau pembaikpulihan;</li> <li>b) kerosakan mekanikal atau elektrik;</li> <li>c) gores atau kemik pada mana-mana barang atau rekahan pada kanta atau kaca, tembikar, barang tembikar, marmar, atau barang yang mudah pecah, melainkan disebabkan oleh rompak, kecurian atau kebakaran;</li> <li>d) peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi berupa perang (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;</li> <li>e) mogok, rusuhan, pergaduhan awam, pemberontakan, penentangan, revolusi, atau kuasa tentera atau rebutan kuasa;</li> <li>f) penyitaan atau pemusnahan atas perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam.</li> </ol>
Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

**Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Semua Risiko kami, anda boleh:**



Hubungi kami di  
1 300 22 5542



Lawati kami di  
[www.allianz.com.my/allrisks-ins](http://www.allianz.com.my/allrisks-ins)



Emel kami di  
[customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)



Imbas kod QR  
di atas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan Allianz dan jumlah diinsuranskan bagi harta tersebut.

Untuk tujuan ilustrasi, andaikan jenis pembinaan dinding adalah dinding bata sepenuhnya dan/atau tahan api selama dua jam, jenis pembinaan bumbung adalah bahan tidak mudah terbakar, kod pekerjaan adalah pejabat dan jumlah yang diinsuranskan adalah RM100,000.00, anda mesti membayar premium:

Jumlah premium yang perlu anda bayar ialah	RM350.00 (setahun)
--	--------------------

**Di mana ini termasuk:**

Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium atau RM87.50
---	-----------------------------------

**Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:**

Duti Setem	RM10.00
------------	---------

Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM28.00
--------------------	----------------------------------

*Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.*

### 4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
  - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
  - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
  - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
  - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda harus mengambil segala langkah pencegahan yang munasabah untuk menjaga keselamatan harta yang diinsuranskan.
- Anda boleh menginsuranskan harta anda berdasarkan Nilai Pasaran atau Nilai Pengembalian Semula, :-
  - Nilai Pasaran –kami akan membayar kos pembaikan atau penggantian harta yang rugi atau rosak setelah ditolak amaun susut nilai bagi harta tersebut.
  - Nilai Pengembalian Semula –kami akan membayar kos penuh untuk pengembalian semula, pembaikan atau penggantian harta yang rosak tanpa menolak susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pembaikan atau pengembalian semula harta tersebut.
- Sekiranya jumlah yang diinsuranskan bagi harta anda adalah kurang daripada nilai sebenarnya pada waktu kerugian berlaku (insurans terkurang), anda akan dianggap menanggung sendiri perbezaan tersebut.
- Lebihan –merupakan amaun yang anda harus tanggung sebelum kami menanggung rugi anda.
- Anda mesti memberitahu ejen insurans anda atau kami secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan penting semasa tempoh insurans supaya perubahan yang sepatutnya boleh diendors ke atas polisi anda.
- Warranti Premium –Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata enam puluh (60) hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

### Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari kepada Allianz. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium yang dikira berdasarkan kadar tempoh singkat kami bagi tempoh polisi telah berkuatkuasa.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.